

Faktor Kegemilangan Kerajaan Umayyah

Politik

- Damsyik merupakan pusat pemerintahan yang strategik untuk mengukuhkan kestabilan negara yang dipilih oleh khalifah Muawiyah bin Abi Sufiyan
- Pemberontakan pihak Khawarij dan Syiah berjaya dihapuskan oleh gabenor yang berwibawa
- Wilayah Islam diperluaskan di Rom, China, India, Afrika Utara dan Eropah

Sosial

- Kebajikan rakyat dijaga melalui bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid, jalan raya dan hospital
- Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat

Pendidikan

- Masjid dan istana dijadikan pusat perkembangan ilmu pengetahuan
- Galakan daripada khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz agar rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, tafsir, hadis dan nahu

Faktor Kegemilangan Kerajaan Umayyah

Agama

- Aktiviti keilmuan diperbanyakkan lagi oleh khalifah Umar bin Abdul Aziz
- Institusi masjid seperti Masjid Nabawi dinaik taraf oleh khalifah Al-Walid bin Abdul Malik untuk merancakkan aktiviti keagamaan

Ekonomi

- Pengurusan baitulmal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan, contohnya pada zaman khalifah Al-Walid bin Abdul Malik
- Hasil pertanian dan perdagangan berjaya dimanfaatkan oleh kerajaan untuk membangunkan negara

Ketenteraan

- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara
- Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih
- Adaptasi strategi peperangan dengan menyeru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan